KATA GANTI NAMA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Ayah,_____mendapat tempat yang pertama dalam peperiksaan," kata Wani dengan gembira.

   A saya
   B aku
   C engkau
   D kamu

2. Ahmad murid yang berdisiplin._____sentiasa mematuhi peraturan di sekolah.

   A Mereka
   B Baginda
   C Dia
   D Beliau

3. Datuk Rosli ialah pegawai daerah di kawasan itu._____telah menderma wang sebanyak enam ribu ringgit untuk membina balai raya itu.

   A Patik
   B Dia
   C Beliau
   D Mereka

4. Menurut para peserta ekspedisi itu,_____akan tiba di puncak Gunung Tahan pada tengah hari ini.

   A kamu
   B kita
   C mereka
   D dia

5. "_____mesti sentiasa menjaga nama baik kampung ini," kata ketua kampung kepada anak buahnya.

   A Saya
   B Beta
   C Ia
   D Kita

6. "Betulkah Pak Cik Cheong itu datuk_____?" tanya Chitra kepada Soo.

   A awak
   B mereka
   C kami
   D encik

LIVEWORKSHEETS

7. "_____hendak pergi berkelah di Air Terjun Sekayu," kata Ah Meng dan Raju kepada Badrul.

A Engkau
B Tuanku
C Saudara
D Kami

8. Sultan Ahmad berasa sangat sedih kerana puteri____diserang penyakit ganjil.

A patik
B baginda
C dia
D nya

9. "Janganlah_____dihukum, tuanku," rayu tukang masak istana kepada Sultan Azlan.

A hamba
B aku
C saya
D beta

10. "Bilakah_____sampai?" tanya Encik Lim kepada kawannya.

A kita
B engkau
C cik
D da

LIVEWORKSHEETS